

9 JAN 1996

Mahathir-Cuepacs (Bergambar)

TIDAK ADIL JIKA PEGAWAI TINGGI DINAFIKAN HAK NAIK GAJI, KATA PM

KUALA LUMPUR, 9 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini anggapan bahawa pegawai tinggi kerajaan tidak berhak mendapat pelarasan gaji dan bonus adalah sesuatu yang tidak adil.

Beliau berkata ini kerana mereka menyumbang kepada jumlah wang untuk membayar gaji dan bonus semua pekerja kerajaan melalui cukai pendapatan mereka "yang tidak kecil".

"Jika kita tidak mengambil kira tanggungjawab dan beban kerja mereka yang lebih berat tanpa dibayar bagi kerja lebih masa, ianya adalah tidak adil," kata beliau ketika berucap merasmikan Konvensyen Cuepacs yang ke-20 di Wisma MCA di sini.

Perdana Menteri berkata wang kerajaan bukan semata-mata untuk membayar gaji kakitangannya sahaja tetapi juga untuk membiayai keperluan rakyat termasuk yang termiskin.

Kata beliau, RM3,000 juta yang diperuntukkan bagi pelarasan gaji termasuk RM1,000 juta sebagai bayaran bonus tahun lepas kepada kakitangan kerajaan boleh digunakan untuk membina 600 buah sekolah atau 7,500 buah klinik desa atau 2,000 km jalan kampung.

Beliau berkata kerajaan menetapkan bahawa pelarasan gaji hendaklah tidak melebihi RM2,000 juta kerana jumlah itu besar dan hanya itu sahaja yang kerajaan mampu bayar.

"Justeru itu, tolonglah terima cadangan kerajaan," kata beliau.

Kenyataan Dr Mahathir ini merujuk kepada tuntutan pelarasan gaji oleh Cuepacs yang pada awalnya melibatkan RM3,000 juta (tidak termasuk bonus) tetapi dikurangkan kepada RM2,000 juta selepas kerajaan menolak cadangan awal itu.

Cuepacs mencadangkan kenaikan gaji antara 29 peratus hingga 41 peratus kepada pekerja dalam katogeri rendah (sebelum ini Kumpulan D), 12 hingga 15 peratus dan lapan hingga 10 peratus masing-masing kepada pekerja yang sebelum ini dalam Kumpulan C dan B. Kumpulan B, C dan D kini dikatogerikan dalam Kumpulan Sokongan.

Kumpulan Pengurusan dan Profesional (sebelum ini Kumpulan A) pula dicadangkan supaya menerima antara 2.5 peratus hingga 5.8 peratus kenaikan gaji.

Ketika memberikan penjelasan mengenai kedudukan pendapatan kerajaan, Dr Mahathir berkata lebihan pendapatan kerajaan daripada belanja tahun 1995 ialah RM3.5 ribu juta.

Kata beliau, daripada jumlah itu, RM1,000 juta diberi sebagai bonus sebulan tahun lalu dan RM2,000 juta untuk tunggakan kerana pelarasan gaji dibuat mulai 1 Januari 1995.

"Jumlah semua ialah RM3 ribu juta iaitu 86 peratus daripada jumlah lebihan cukai yang dipungut oleh kerajaan daripada syarikat-syarikat dan orang yang berpendapatan tinggi," kata beliau dan menambah kata orang berpendapatan rendah hampir semua tidak membayar cukai pendapatan, termasuk kakitangan kerajaan.

Dr Mahathir berkata: "Tetapi, kita pilih untuk menambah gaji kakitangan kerajaan yang hanya merupakan empat peratus daripada jumlah rakyat."

Sambil berkata bahawa "kerajaan ini bertimbang rasa", Perdana Menteri meminta Cuepacs supaya jangan "terlalu keras menekan" kerajaan dan mengenakan syarat.

Beliau berkata, kerajaan juga jarang memberi tambahan gaji kepada anggota kerajaan walau banyak manapun wang kerajaan yang dijimatkan.

Dr Mahathir berharap konvensyen Cuepacs itu tidak menjadi satu forum untuk mendesak atau hanya untuk menumpu kepada persepsi ketidakadilan kepada kakitangan kerajaan dan kebebasan pekerja.

Beliau mahu supaya anggota Cuepacs membahaskan konsep berkonfrantasi dan ugutan yang menjadi asas kepada "hak buruh" yang dicipta oleh Barat. --
BERNAMA